

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu Domestic Servant Insurance Scheme?

Polisi Domestic Servant Insurance menyediakan pampasan sekiranya pembantu rumah warga asing anda mengalami kecederaan, hilang upaya, atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan. Majikan yang mengupah pembantu rumah mesti mematuhi keperluan undang-undang yang berkenaan dan membeli perlindungan insurans bagi pembantu rumah warga asing mereka.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM63.00 setahun, anda akan menerima perlindungan berikut bagi pembantu rumah anda:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
- Kematian atau Hilang Upaya Kekal : RM25,000 - Perbelanjaan Perubatan (Ekses RM50) : RM1,000 - Perbelanjaan Repatriasi (sehingga) : RM5,000 - Perbelanjaan Hospital dan Pembedahan (sehingga) : RM3,000 - Manfaat Mingguan (maksimum 15 minggu) : RM105 seminggu	Sebarang kecederaan atau penyakit atau kerugian lain yang dilindungi di bawah polisi disebabkan oleh perkara-perkara yang berikut: - Peperangan, mogok, rusuhan atau kekacauan; - Tindakan menyalahi undang-undang, bunuh diri atau percubaan membunuh diri; - Semasa perjalanan di dalam sebarang pesawat udara komersial yang berlesen melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang; - Semasa di bawah pengaruh alkohol atau dadah yang bukan dipreskripsikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar; - Bahan senjata nuklear.
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi. Tempoh perlindungan: - Bagi polisi satu (1) tahun, anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun. - Bagi polisi dua (2) tahun, anda perlu memperbaharui polisi anda setiap dua (2) tahun.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
allianz.com.my/dsis-insurance



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR di
atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini, anda mesti membayar premium:	
Perlindungan Asas	RM63.00 setahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM63.00 .	
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada premium atau RM15.75
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem (dibayar oleh anda sebagai pemegang polisi individu ataupun oleh pemegang polisi induk jika polisi ini dikeluarkan sebagai polisi berkelompok)	RM10.00

Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM5.04
Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.	

4

Maklumat Penting Yang Anda Perlu Tahu

- Anda mesti memberi maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Kelayakan –Majikan yang mengupah pembantu rumah warganegara asing secara sepenuh masa yang berumur dari lapan belas (18) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun boleh membeli polisi ini untuk melindungi pembantu rumah mereka.
- Tunai sebelum perlindungan – Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Polisi ini akan terbatal secara automatik dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Semua tuntutan mesti diberikan secara bertulis kepada Allianz secepat yang munasabah selepas tarikh kemalangan/kehilangan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk butiran penuh terma dan syarat.



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan perlindungan anda di bawah polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Walau bagaimanapun, tiada pulangan premium akan dibayar apabila anda menamatkan perlindungan di bawah polisi ini.

Sila maklum bahawa polisi anda akan tamat secara automatik selepas tamatnya kontrak pekerjaan antara anda dan pembantu rumah anda (orang yang diinsuranskan).